

Sistem e-PA

Azilawati Abdullah @ Abd Aziz

Faculty of Accountancy

Universiti Teknologi MARA Kelantan

Kelantan, Malaysia

azila430@uitm.edu.my

Nik Zam Nik-Wan

Faculty of Accountancy

Universiti Teknologi MARA Kelantan

Kelantan, Malaysia

nikzam@uitm.edu.my

Siti Nor Adawiah Hussein

Faculty of Accountancy

Universiti Teknologi MARA Kelantan

Kelantan, Malaysia

stadawiah771@uitm.edu.my

Wan Roshaini Wan Ali

Faculty of Accountancy

Universiti Teknologi MARA Kelantan

Kelantan, Malaysia

wanro236@uitm.edu.my

Abstract—Penasihat akademik adalah pensyarah yang diberitanggungjawab sebagai penasihat dan pembimbing pelajar dalam merancang pelan pengajian mereka, sebagai orang tengah untuk menyelesaikan sebarang masalah akademik mengenai pelajar di bawah seliaan mereka dengan pihak berkenaan dan juga sebagai pemantau prestasi akademik pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka. Sistem e-PA dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada pensyarah untuk menyelia dan memantau semua pelajar di bawah seliaan mereka. Di samping itu, Sistem e-PA boleh membantu menyelesaikan masalah pensyarah yang susah untuk memantau pelajar di bawah seliaan mereka. Pensyarah boleh mendapatkan segala maklumat berkenaan dengan pelajar di bawah seliaan mereka walau di mana berada. Ini kerana, melalui soal selidik yang dibuat di bawah Unit Kualiti UiTMCK telah mendedahkan terdapat pelajar yang tidak pernah langsung bertemu dan membuat rundingan dengan pensyarah yang menjadi penasihat akademik mereka. Pelajar juga memberi maklumbalas mengatakan pensyarah atau penasihat akademik mereka terlalu sibuk dan tidak membalias mesej yang dihantar. Sistem e-PA ini beroperasi dengan pelajar memasukkan segala butiran yang diperlukan oleh pensyarah atau penasihat akademik mereka dalam —excel worksheet yang dibangunkan oleh pensyarah di —web-based iaitu —Google Drive. Dengan adanya Sistem e-PA ini, para pensyarah atau penasihat akademik mudah untuk menyelia dan memantau pelajar-pelajar mereka walau di mana berada dengan menggunakan telefon pintar. Jadi, hubungan yang rapat antara pensyarah atau penasihat akademik dengan pelajar-pelajar di bawah seliaan mereka secara tidak langsung member kesan yang positif, meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang akademik dan bukan akademik serta boleh meningkatkan peratus —graduate on time di kalangan pelajar-pelajar.

Katakunci—e-MYPA, —Graduate On Time, Pensyarah Akademik

I. PENGENALAN

Penasihat akademik adalah pensyarah yang diberi tanggungjawab sebagai penasihat dan pembimbing kepada pelajar di institusi pengajian tinggi dalam merancang pelan pengajian mereka, sebagai orang tengah untuk menyelesaikan sebarang masalah akademik mengenai pelajar di bawah seliaan mereka dengan pihak berkenaan dan juga


sebagai pemantau prestasi akademik pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka [1]. Jadi, memang tidak dinafikan bahawa peranan penasihat akademik sedikit sebanyak mempengaruhi pencapaian para pelajar di universiti dan pelaksanaan penasihat akademik ini dibuat oleh semua institusi pengajian tinggi di seluruh dunia [2]. Penemuan dari kajian-kajian yang telah dibuat berkenaan dengan peranan PA kepada pencapaian pelajar menunjukkan ada hubungan yang positif [2][4]. Namun demikian, terdapat cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua pihak terutamanya di kalangan para pelajar. Jadi, sistem e-MYPA dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada pensyarah untuk menyelia dan memantau semua pelajar di bawah seliaan mereka. Di samping itu, Sistem e-MYPA boleh membantu menyelesaikan masalah pensyarah yang susah untuk memantau pelajar di bawah seliaan mereka. Pensyarah boleh mendapatkan segala maklumat berkenaan dengan pelajar di bawah seliaan mereka walau di mana berada. Ini kerana, melalui soal selidik yang dibuat di bawah Unit Kualiti UiTMCK telah mendedahkan terdapat pelajar yang tidak pernah langsung bertemu dan membuat rundingan dengan pensyarah yang menjadi penasihat akademik mereka. Pelajar juga memberi maklumbalas mengatakan pensyarah atau penasihat akademik mereka terlalu sibuk dan tidak membalias mesej yang dihantar. Ini selari dengan penemuan kajian yang dibuat oleh Patrick Severine Kavenuke (2015) menyatakan cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar untuk mendapat bimbingan dari penasihat akademik mereka adalah ketidaaan mereka ketika pelajar memerlukan mereka [2]. Di samping itu, pelajar tidak memahami atau tidak mengetahui peranan penasihat akademik yang disediakan oleh pihak universiti kepada mereka [3][5] juga adalah penyebab tiada hubungan yang rapat diantara penasihat akademik dan pelajar. Dengan kata lain, para pelajar tidak mengetahui secara mendalam apakah perkhidmatan rundingan yang mereka boleh dapat dari penasihat akademik.

II. KAEDAH PELAKSANAAN

Sistem e-MYPA ini beroperasi dengan pelajar memasukkan segala butiran yang diperlukan oleh pensyarah

atau penasihat akademik mereka di dalam -excel worksheet yang dibangunkan oleh pensyarah di -web-based iaitu -Google Drive. Panduan lengkap penggunaan Sistem e-MYPA adalah seperti berikut:

- Sistem e- PA telah dibangunkan menggunakan Microsoft Excel dan telah diuji kepada pensyarah untuk memastikan sistem ini lebih mudah difahami oleh pensyarah dan juga pelajar.
 - Setelah template excel yang dirumus diterima, ia akan dikongsi bersama dengan pelajar di Google Drive.
 - Oleh itu, setiap pengguna sistem ini (pensyarah dan pelajar) perlu mempunyai akaun Gmail untuk membolehkan mereka mengakses pemacu Google Drive.
 - Setiap pelajar dikehendaki mengemaskini maklumat yang diperlukan pada awal setiap semester kerana maklumat yang diperlukan berubah dari semasa ke semasa.
 - Para pelajar juga disediakan panduan mengisi maklumat dalam bentuk template komen di template excel.



MAKLUMAT YANG PERLU DI-ISI OLEH SETIAP PELAJAR DI BAWAH SELIAAN																																			
<table border="1"> <tr> <td>SEMESTER</td> <td>MATRIC ID</td> <td>NAMA</td> <td>TEL</td> <td>EMAIL</td> <td>SEKOLAH</td> <td>PROFESI</td> <td>PERKHIDMATAN</td> <td>PROSES</td> <td>PROSES</td> <td>PROSES</td> <td>PROSES</td> </tr> <tr> <td></td> <td>1234567890</td> <td>ABDUL RAHMAN</td> <td>0123456789</td> <td>abdulrahman@siswa.edu.my</td> <td>SMA KEBANGSAAN</td> <td>STUDENT</td> <td>STUDENT</td> <td>STUDENT</td> <td>STUDENT</td> <td>STUDENT</td> <td>STUDENT</td> </tr> </table>												SEMESTER	MATRIC ID	NAMA	TEL	EMAIL	SEKOLAH	PROFESI	PERKHIDMATAN	PROSES	PROSES	PROSES	PROSES		1234567890	ABDUL RAHMAN	0123456789	abdulrahman@siswa.edu.my	SMA KEBANGSAAN	STUDENT	STUDENT	STUDENT	STUDENT	STUDENT	STUDENT
SEMESTER	MATRIC ID	NAMA	TEL	EMAIL	SEKOLAH	PROFESI	PERKHIDMATAN	PROSES	PROSES	PROSES	PROSES																								
	1234567890	ABDUL RAHMAN	0123456789	abdulrahman@siswa.edu.my	SMA KEBANGSAAN	STUDENT	STUDENT	STUDENT	STUDENT	STUDENT	STUDENT																								
SEMESTER	PENGETAHUAN KURSUS	ALIKUSS YANG DIBELI & PENYAYARI YANG MENGALAMI				VALIDASI SAINS	SYURAH PENGALAMAN	PENTERTAKAAN DALAM KELAJU & PERSIATAN				PENAMPILAN																							
		<input checked="" type="checkbox"/> Aku beli buku tentang pengetahuan sains	<input checked="" type="checkbox"/> Aku beli buku tentang penyayarian	<input checked="" type="checkbox"/> Penyayari yang mengalami	<input checked="" type="checkbox"/> Murtabat			<input checked="" type="checkbox"/> Cikgu/ Guru	<input checked="" type="checkbox"/> Berlatih kertas latihan sebab kertas latihan ini susah	<input checked="" type="checkbox"/> Berlatih kertas latihan sebab kertas latihan ini mudah	<input checked="" type="checkbox"/> Berlatih kertas latihan sebab kertas latihan ini susah		<input checked="" type="checkbox"/> Berlatih kertas latihan sebab kertas latihan ini mudah	<input checked="" type="checkbox"/> Hygienic & Personal Hygiene	<input checked="" type="checkbox"/> Konsentrasi																				
SEPT 2019 - JAN 2020																																			
SEMESTER	PENGETAHUAN KURSUS	ALIKUSS YANG DIBELI & PENYAYARI YANG MENGALAMI				VALIDASI SAINS	SYURAH PENGALAMAN	PENTERTAKAAN DALAM KELAJU & PERSIATAN				PENAMPILAN																							
		<input checked="" type="checkbox"/> Aku beli buku tentang pengetahuan sains	<input checked="" type="checkbox"/> Aku beli buku tentang penyayarian	<input checked="" type="checkbox"/> Penyayari yang mengalami	<input checked="" type="checkbox"/> Murtabat			<input checked="" type="checkbox"/> Cikgu/ Guru	<input checked="" type="checkbox"/> Berlatih kertas latihan sebab kertas latihan ini susah	<input checked="" type="checkbox"/> Berlatih kertas latihan sebab kertas latihan ini mudah	<input checked="" type="checkbox"/> Berlatih kertas latihan sebab kertas latihan ini susah		<input checked="" type="checkbox"/> Berlatih kertas latihan sebab kertas latihan ini mudah	<input checked="" type="checkbox"/> Hygienic & Personal Hygiene	<input checked="" type="checkbox"/> Konsentrasi																				
HOME	MUSIM PRESENCE	PELAJAR A	PELAJAR B	PELAJAR C	PELAJAR D	PELAJAR E	PELAJAR F	PELAJAR G	PELAJAR H	PELAJAR I	PELAJAR J																								

PA : Penasihat Akademik

III. KESIMPULAN

Antara objektif pelaksanaan Sistem e-MYPA adalah:

1. Merapatkan hubungan di antara pensyarah dan pelajar sepanjang pensyarah tersebut menjadi penasihat akademik kepada pelajar.
 2. Memudahkan pensyarah mengakses maklumat berkenaan pelajar di bawah seliaan mereka apabila diperlukan oleh pihak fakulti dan juga pengurusan UiTMCK.
 3. Menjimatkan kos (paper less)

Sistem ini telah diuji dengan beberapa Penasihat Akademik beberapa kali dan versi pertamanya siap untuk dikongsi dan digunakan oleh kumpulan Penasihat Akademik yang lebih luas pada Semester September 2019 yang lalu.

Sistem e-MYPA adalah murah, mudah dan boleh digunakan secara meluas kerana ia menggunakan Microsoft Excel dan Google Drive yang boleh diakses dengan mudah dan percuma untuk semua Penasihat Akademik.

Perhubungan yang erat di antara penasihat akademik dan pelajar di bawah seliaan mereka dapat membantu meningkatkan pencapaian para pelajar dalam bidang akademik, kerohanian dan juga tingkah laku yang lebih baik ketika mereka di universiti. Ini dibuktikan dengan kajian-kajian yang dibuat oleh pelbagai universiti di dalam dan luar negara berkenaan dengan peranan penasihat akademik mempengaruhi pencapaian para pelajar di universiti [2][3][4][5].

RUJUKAN

- [1] Manual Penasihat Akademik UiTM https://hea.uitm.edu.my/v3/downloads/e-books/manual_pa/index.html
 - [2] Patrick Severine Kavenuke (2015), -Academic Advising and Students” Academic Achievement in Higher Education: Experiences from Dar es Salaam University College of Education in Tanzania, Journal of Education, Humanities and Sciences, Volume 4 No. 2, 2015: pp.76-86
 - [3] Hamdan bin Said, Tee Tiam Chai, Ros Ilyani Binti Rosdi, Norashuhai Binti Tajuddin & Noriadah Binti Abdul Karim (2012), -Peranan Penasihat Akademik dalam Melestarikan Pendidikan Berkualitil, Persidangan Kebangsaan Pembangunan dan Pendidikan Lestari 2012, pp. 31-47
 - [4] Najwa Saba „Ayon (2015), -Academic Advising: Perceptions Of Students In A Lebanese Universityl, International E-Journal of Advances in Education, Vol. I, Issue 2, 2015, pp. 118 - 126

- [5] Nur Qistina Bte Abdullah & Tuan Khairul Adhar Bin Tuan Kub (2008), -Pengetahuan Pelajar Tentang Peranan Penasihat Akademik bagi Pelajar – Pelajar Tahun Satu Sesi 2007/2008 di Universiti Teknologi Malaysia,| unpublished.